

♥01/09/16-13MST

U GB 01-09 00163 BH24.9

aab

MAHATHIR KRITIK BARAT BERHUBUNG BOSNIA

Mahathir-Bosnia

Oleh Zulkifli Salleh

1

JAKARTA, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengkritik negara-negara Barat atas keengganan mereka bertindak sewajarnya menghentikan pembunuhan di Bosnia-Herzegovina.

Semasa berucap pada sesi perbahasan umum di Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali di sini, beliau menggesa negara-negara Eropah bertindak dengan tegas, selaras dengan keadaan genting yang wujud, untuk menghentikan pembunuhan-pembunuhan itu.

Katanya, apa yang sedang berlaku di Bosnia-Herzegovina merupakan perang ganas membabitkan penganiayaan dahsyat terhadap hak asasi manusia dan pelaksanaan dasar aparteid corak puak Serb.

Tetapi penduduk Eropah, yang pernah menganggap kawasan Balkan sebagai tanggungjawab khas mereka dan pernah satu ketika menyebabkan Perang Dunia kerana seorang Archduke dibunuh di Sarajevo, kini nampaknya tidak begitu berminat untuk melibatkan diri, untuk menghentikan kekejaman yang sedang berlaku.

+ Penduduk Bosnia bukan sahaja memerlukan makanan dan perubatan. Mereka perlu diselamatkan daripada usaha perluasan kawasan Serbia secara kekerasan. -- Lagi

♥01/09/20-23MST

U GB 01-09 00220 BH250

aab

Mahathir-Bosnia 2 (Akhir) Jakarta

+ Sikap Barat terhadap pembunuhan rakyat Bosnia jauh berbeza dengan sikap mereka terhadap apa yang dikatakan berlaku pembunuhan orang-orang Kurd di Iraq.

+ Kapal laut dan pesawat udara, tentera dan wang dicurahkan ke kawasan itu walaupun tiada bukti (pembunuhan orang Kurd) yang nyata, kata Perdana Menteri.

Di Bosnia, kern-kern tahanan yang penuh dengan orang tahanan yang kurus kering timbul semula semasa puak Serb melaksanakan corak aparteid yang mereka panggil pembersihan etnik, katanya, dan menambah kata, wanita turut dirogol dan kanak-kanak dibunuh oleh penembak curi.

Beliau melahirkan perasaan kesalnya kerana ketika penduduk Bosnia digalakkan mengamalkan hak-hak mereka, kesulitan mereka tidak diendahkan, akibatnya, mereka kini diserang terus menerus.

+ Adakah ini diannya rupa Order Baru Dunia? Jika betul, ia adalah satu rupa yang menakutkan kerana ia adalah rupa yang paling buruk dan hodoh.

Dr Mahathir juga menarik perhatian bahawa ketika pencerobohan kecil ke atas hak asasi manusia akan menyebabkan tindakan balas, penganiayaan berleluasa secara terang-terangan tidak pula dikenakan hukuman.

+ Apakah jenisnya Order Baru Dunia ini? Apakah agaknya nasib negara-negara yang kecil dan lemah yang merupakan majoriti dalam pertubuhan (NAM) kita ini. Seandainya kita turut dizalimi cara Serbia, mungkinkah dunia akan melihatnya tanpa ambil berat menerusi peti-peti TV mereka? beliaubertanya. -- Bernama

♥01/09/20-56MST